



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### KPWKM TELUS DALAM PENGURUSAN BAKUL PRIHATIN NEGARA

---

Perlaksanaan Bakul Prihatin Negara (BPN) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Julai 2021 merupakan tindak balas proaktif Kerajaan terhadap senario yang dihadapi oleh rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 disebabkan terputus bekalan makanan. Bakul Prihatin Negara merupakan nilai tambah atau "added value" kepada inisiatif Bantuan Bakul Makanan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan sebelum ini di bawah pakej Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) dan Pelan Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang telah memberi manfaat kepada seramai 9.2 juta rakyat Malaysia yang terkesan dan terjejas akibat pandemik COVID-19 sejak bulan Mac 2020.

Sebagai makluman, program ini dilaksanakan secara kerjasama pintar berkonsepkan "Whole of Society" antara Kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan, Syarikat Korporat dan Sukarelawan Skwad Prihatin Negara. Peruntukan yang diperolehi oleh BPN adalah daripada Syarikat berkaitan Kerajaan serta syarikat korporat seperti PETRONAS, AEON, Pharmaniaga, Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia serta Yayasan Sime Darby.

Sejak BPN dilancarkan dan sehingga 24 Julai 2021, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menerima lebih daripada 300,000 permohonan. Maklum balas yang diterima daripada penerima adalah sangat positif dimana ramai penerima menyifatkannya sebagai "bantuan kecemasan" yang sedikit sebanyak membantu meringankan kesusahan yg mereka hadapi ketika ini.

Peranan sektor swasta amat dihargai, Kementerian tidak akan berkompromi dari aspek harga dan nilai barangan bakul makanan sepertimana yang telah dipersetujui antara Kementerian dengan pihak penyumbang iaitu RM50 bagi satu bakul makanan. Segalanya dilaksanakan secara tertib dan teratur berdasarkan SOP yang ditetapkan. Proses penghantaran BPN pula dilaksanakan oleh Sukarelawan Skwad Prihatin Negara yang bertugas secara sukarela.

Justeru, Kementerian berpandangan kemunculan tohmahan dan dakwaan yang dibuat oleh segelintir individu terhadap BPN cukup mengecewakan dan tidak berasas sama sekali. Jangan sesekali bertindak menafikan hak rakyat yang sedang memerlukan bantuan di saat sukar ini. Kementerian sentiasa berfikiran terbuka untuk menerima sebarang idea untuk penambahbaikan dan pada masa yang sama, jangan sesekali melakukan tuduhan melulu. Kami berada disini untuk menjaga rakyat. Kementerian juga telah menyediakan talian tambahan untuk memperkasakan sistem penyampainya.

Sebagai sebuah Kementerian yang cakna terhadap masalah yang melanda rakyat pada masa ini, usaha murni ini akan diteruskan dan menyeru rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan untuk menghubungi Bilik Gerakan Jabatan Kebajikan Masyarakat di 108 daerah di seluruh negara, Talian Kasih di talian 15999, Media Sosial Rasmi (Facebook/Instagram KPWKM dan JKM) atau menghubungi pemimpin tempatan di kawasan masing-masing.

#MalaysiaPrihatin

#PrihatinBersama

#BakulPrihatinNegara

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
PUTRAJAYA**

**24 JULAI 2021**